

SALUTASI

PROGRAM	:	MALAM ANUGERAH WARTAWAN MALAYSIA
TARIKH	:	7 JUN 2024
MASA	:	8.00 MALAM
TEMPAT	:	GRAND BALLROOM, MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

- 1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri**
- 2. Yang Berhormat Tuan Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi;**
- 3. Yang Mulia Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Kamadjaja Aziz,
Presiden Dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas;**
- 4. Yang Berbahagia Datuk Mustapa Omar, Ketua Pegawai Eksekutif,
Malaysian Press Institute (MPI);**
- 5. Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Media;**
- 6. Ketua-ketua Pengarang;**
- 7. Rakan-rakan Media yang diraikan; dan**
- 8. Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

UCAPAN DATUK YONG SOO HEONG, PRESIDEN MALAYSIAN PRESS INSTITUTE

“Ada ubi ada batas
Ada terjadi ada alas
Ada keladi ada talas
Ada budi ada balas”...

demikianlah penghargaan kami di MPI kepada semua hadirin pada malam ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Saya yakin para pengamal media amat tersentuh dan terkenang budi dengan kehadiran Datuk Seri Perdana Menteri kita pada malam ini kerana keutamaan yang beliau sering memberi kepada kita semua.
2. Beliau muncul di HAWANA 2024 di Kuching pada akhir bulan lalu dan malam ini beliau sekali lagi bersama kita. Ini membuktikan bahawa beliau amat peduli terhadap pengamal media yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara kerana kita juga merupakan rakan seiring dalam kemajuan – partners in progress -- dengan beliau.
3. Kenapa saya berkata begitu? Pertama, organisasi media bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat yang tepat supaya rakyat kita dapat memahaminya dengan jelas.

4. Kedua, media juga menyediakan platform kepada khalayak untuk mereka menyuarakan atau memberi pendapat yang pelbagai, sekali gus memudahkan perbincangan awam dan debat, iaitu elemen-elemen sangat penting untuk demokrasi sihat yang diketengahkan oleh Kerajaan Malaysia Madani yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri kita.

5. Ketiga, media juga bertindak sebagai pengawas dengan memantau tindakan institusi kerajaan, perniagaan dan badan berkuasa yang lain kerana kami cuba menegakkan lebih banyak lagi aspek ketelusan dan akauntabiliti dalam negara ini.

6. Kami juga boleh diibaratkan sebagai jambatan menerusi saluran kami dalam memupuk pemahaman yang lebih erat antara kaum, komuniti dan kumpulan sosial yang berbeza. Ini semua boleh membantu memperkukuhkan lagi persefahaman dalam konteks masyarakat majmuk kita selain mengurangkan konflik.

Tuan-tuan dan Puan-puan

7. Untuk HKM 2023 pula, MPI amat bangga kerana kami telah menerima jumlah penyertaan tertinggi sejak anugerah ini diperkenalkan pada tahun 1980. Jumlah penyertaan meningkat sebanyak 21 peratus kepada 488 penyertaan bagi 23 kategori dipertandingkan, berbanding tahun sebelumnya.

Ini adalah satu gambaran bahawa wartawan lebih mengambil berat tentang mutu karya mereka, bangga dengan keupayaan mereka serta memaparkan hasil karya terbaik untuk dipertandingkan.

8. Kami di MPI amat tertarik dengan semangat bersaing ini, terutamanya daripada wartawan muda, kerana ini akan memberi impak positif untuk masa depan industri kewartawanan di Malaysia.

9. Setahu saya kebanyakan wartawan ini menulis bukan semata-mata untuk melihat nama atau byline mereka tetapi mereka didorong oleh semangat jati diri untuk memberi gambaran sebenar, pendedahan atau penjelasan kepada sesuatu isu yang penting di dalam negara demi kebaikan masyarakat Malaysia.

10. Dalam konteks ini, kami berharap bahawa laporan penyiasatan mengenai rasuah, amalan buruk, ketirisan wang atau ketidakcekapan di dalam negara akan diberi lebih perhatian oleh pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk membantu Perdana Menteri membanteras segala gejala buruk itu.

11. Perdana Menteri sering mengingatkan kita betapa pentingnya mengamalkan tadbir urus yang telus dan teratur untuk menjadikan Malaysia lebih dinamik dan progresif. Pengamal media juga bersama beliau dalam pendirian ini dan boleh dikatakan bersemangat untuk "menggenggam bara api biar sampai jadi arang" dengan beliau dalam perkara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya akan merasa serba-salah jika saya tidak menyebut sumbangan istimewa daripada PETRONAS, syarikat bahan api nasional kita yang sedang meraikan ulang tahunnya ke-50 tahun ini, atas sumbangan yang begitu besar kepada HKM sejak 30 tahun dahulu. Tanpa PETRONAS, kita di MPI tidak akan dapat menganjurkan majlis HKM dengan begitu teratur selama ini.

13. Dan mulai tahun ini, jumlah tajaan juga telah ditingkatkan daripada RM300,000 setahun kepada RM450,000 setahun.

14. Orang sering berkata "ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras" tetapi dalam konteks HKM dan MPI pula, mungkin ia patut berbunyi "Ada gas Petronas, penyertaan pun lebih deras". Terima kasih kepada PETRONAS atas suntikan semangat kepada kita semua!

Ladies and Gentlemen,

15. MPI is aware of the tough challenges affecting the media industry, both locally and abroad. In this respect, MPI and media organisations believe that government ministries, departments and agencies, as well as the local business sector can help to sustain good journalism by playing a stronger supportive role, both financially and in terms of quality and strategic content.

16. I believe this in turn would help make more people understand their functions, aspirations and achievements better.

17. Against these challenges, we have seen that upholding quality journalism by providing useful content has enabled many news organisations to remain viable.

18. On our part, MPI will enhance our training modules throughout the country, invite knowledgeable speakers and trainers, including in the prudent use of AI to enhance productivity and clarity, all for the betterment of journalism in the country.

19. All these are not just for young journalists but also the senior ones so that they can be on top of their game when dealing with sensitive matters like the 3R's. At the end of the day, we would like them to expand their horizons and enhance their three E's – exposure, experience and expertise.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Sebagai penutup, saya bagi pihak MPI ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kita, dan dif-dif kehormat, para penaja dan pengamal media kesudian untuk menjadikan malam ini begitu bermakna dan meriah!

Terima kasih daun keladi kepada semua!